



## 5,313 graduan UMS akan dirai pada Majlis Konvokesyen ke-19

18.11.2017 A12 UB

**KOTA KINABALU:** Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-19 akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 20 November ini.

Majlis kali ini akan melibatkan penganugerahan ijazah kepada 5,313 graduan iaitu 59 ijazah Doktor Falsafah, 578 ijazah Sarjana, 4,632 ijazah Sarjana Muda dan 46 Diploma.

Daripada jumlah 5,313, seramai 128 daripadanya adalah graduan antarabangsa dari 16 negara, manakala selebihnya iaitu 5,185 ialah graduan tempatan termasuk 2,760 (51.9%) graduan dari Sabah.

Bertempat di Dewan Canselor UMS, sidang pertama akan menyaksikan

Yang Dipertua Negeri Sabah Tun (Dr) Hj Juhar Hj Mahiruddin menyampaikan ijazah kepada 732 graduan.

Beliau yang juga Canselor UMS turut menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi Perancangan dan Pembangunan kepada tokoh dan negarawan yang disegani, Tan Sri Haji Abdul Ghani Gilong.

Sidang kedua yang berlangsung pada sebelah petang pula menyaksikan seramai 715 graduan menerima ijazah masing-masing daripada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

Majlis konvokesyen akan

bersambung esok dengan melibatkan seramai 933 graduan pada sidang ketiga (pagi) dan 943 lagi pada sidang keempat (petang) menerima skrol ijazah daripada Naib Canselor.

Kemuncak majlis konvokesyen berlangsung pada hari Isnin dengan penganugerahan ijazah kepada 849 graduan pada sidang kelima, manakala seramai 1,141 penerima pada sidang keenam.

Penyampaian ijazah pada kedua-dua sidang itu juga akan disempurnakan Kamarudin.

Untuk rekod, UMS kini mempunyai 10 fakulti dan majlis konvokesyen pertama telah diadakan pada tahun 1999.